

## MUKADIMAH

Panduan dan Syarat Penganugerahan ini dikeluarkan setelah senakan semula dan penambahbaikan dibuat ke atas Peraturan Maktab Pendidikan Guru (Peperiksaan, Penilaian dan Pensijilan) 1999. Semakan semula dan penambahbaikan bertujuan memantapkan peraturan penganugerahan yang diguna pakai selaras dengan keperluan agensi jaminan kualiti, dasar dan prosedur yang telah ditetapkan oleh dasar dan peraturan IPG. Ini merupakan dokumen panduan dan rujukan yang akan digunakan oleh pelajar dan pensyarah.

Panduan dan Syarat Penganugerahan ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Senat Institut Pendidikan Guru Kali Ke-14 Tahun 2012 pada 27 September 2012 dan Mesyuarat Senat Institut Pendidikan Guru Kali Ke-20 Tahun 2013 pada 30 Julai 2013 telah meluluskan penguatkuasaan pemakaiannya bagi pelajar program Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda Perguruan bermula pada sesi akademik Januari 2013.